

# **36 kakitangan KUTKM catat sejarah terima anugerah**

**Archival News | Utusan Malaysia | 08/10/2003**

MELAKA 7 Okt. — Sebanyak 36 kakitangan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi kumpulan pertama yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sejak kolej universiti itu ditubuhkan tiga tahun lalu.

Anugerah tersebut diberikan kepada mereka sebagai penghargaan terhadap tugas-tugas yang telah dilaksanakan dengan cemerlang dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengurus KUTKM, Tan Sri Mohd. Saleh Sulong.

Turut menerima penghargaan ialah Pendaftar KUTKM, Hassan Sirun yang menjadi penerima tunggal Anugerah Kepujian Universiti 2001 atas kecemerlangan beliau dalam menyusun strategi pengurusan dan pembangunan sumber manusia di peringkat awal penubuhan kolej universiti itu.

Hassan ketika ditemui berkata, sebagai kakitangan awal yang menyertai KUTKM, cabaran besar yang dihadapinya adalah untuk merangka pembangunan sumber manusia kerana segala-galanya baru di kolej universiti itu.

Menurutnya, pengalaman sebagai pentadbir di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Kolej Universiti Tun Hussein Onn (KUITTHO) sebelum ini banyak membantu beliau dalam menyusun pentadbiran KUTKM.

KUTKM katanya, amat memerlukan kakitangan yang berkualiti selain memenuhi syarat-syarat perkhidmatan yang ditetapkan kerajaan.

"Pada saya kualiti bermakna perkhidmatan yang dapat memenuhi cita rasa pelanggan dan ia bersifat dinamik kerana sesuatu perkara itu mungkin dianggap berkualiti pada hari ini tetapi esok ia tidak lagi berkualiti," ujarnya.

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2002, Pembantu Perpustakaan Kanan KUTKM, Abu Hassan Shamsudin, 45, pula berkata, beliau bersyukur dengan anugerah tersebut selepas bekerja kira-kira tiga tahun dengan kolej universiti itu.

"Saya pernah bekerja selama 16 tahun di UTM sebelum ini dan pengalaman itu saya gunakan untuk perpustakaan KUTKM pula," katanya.

Bagaimanapun katanya, keadaan bekerja di KUTKM berbeza dan agak mencabar kerana sebagai sebuah universiti baru, kebanyakan operasinya masih dikendalikan secara manual dan sistem baru masih dibangunkan.

Seorang lagi penerima anugerah, Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) Pejabat Canselor, Siti Zurah Mohd. Nasir, 25, pula memberitahu, dia tidak menyangka tugas-tugas perhubungan awam yang dilaksanakannya selama ini melayakkan beliau dipilih sebagai penerima anugerah KUTKM.

"Saya harap kejayaan saya ini akan dapat menjadi galakan kepada rakan-rakan lain untuk bekerja dengan lebih baik," katanya.

Para penerima anugerah tersebut menerima insentif seperti Sijil Perkhidmatan Cemerlang, wang tunai RM1000, peluang menghadiri kursus untuk peningkatan prestasi kerja dan keutamaan untuk menerima darjah kebesaran.

(Source : Utusan Malaysia)

